

## Datuk Hussein akan hadir perayaan Thaipusam

**KUALA LUMPUR,** Ahad.— Perdana Menteri, Datuk Hussein Onn dan Datin Suhalla akan melawat perayaan Thaipusam di Batu Caves pada pagi Selasa ini.

Menteri Perhubungan, Tan Sri V. Manickavasagam dan pihak berkuasa kuil tersebut serta lain-lain ketua agama berkenaan akan menyambut ketibaan Datuk Hussein Onn bersama isteri.

Hadiah istimewa berupa "Golden Shawl" akan diberi kepada Perdana Menteri oleh Tan Sri Manickavasagam yang mewakili pihak pengurusan kuil itu.

Lebih 10,000 orang termasuk Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik S. Subramaniam, Timbalan Menteri Buruh dan Kerjaraya, Encik K. Patmanaban dan Timbalan President MIC, Encik Samy Vellu dijangka hadir dalam pesta perayaan Thaipusam itu.